

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	15 AUGUST 2016

## Perdana Menteri terus kukuh walaupun dikritik

Um - 15/8/2016

**KUALA LUMPUR 14 Ogos** - Walaupun dikritik dengan begitu hebat oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak terbukti terus mempunyai kedudukan yang amat kukuh.

Menurut artikel tulisan editor *South China Morning Post*, Zuraidah Ibrahim, yang disiarkan akhbar itu hari ini, Najib 'adalah ahli politik yang boleh diibaratkan seperti bank besar, yang terlalu besar untuk gagal'.

"Ketika menghadiri satu perhimpunan tahun lepas, Mahathir menyeru PM supaya berundur. Pada Mac tahun ini, beliau keluar daripada parti pemerintah, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO).

"Barangkali, beliau menjangka langkah simbolik itu akan memberi semangat dan keberanian secukupnya kepada mana-mana ahli politik dalam UMNO untuk melancarkan cabaran dari dalam terhadap Najib," tulis Zuraidah dalam artikel itu.

Editor berkenaan bagaimanapun menyifatkan langkah terbaharu Dr. Mahathir itu hanya akan "berisiko memudaratkan legasinya sendiri".

"Berbeza dengan memperoleh apa yang dikehendakinya pada 2003, kali ini beliau (Dr. Mahathir)



**Langkah terbaharu Dr. Mahathir itu hanya akan "berisiko memudaratkan legasinya sendiri"**

**ZURAIDAH IBRAHIM**  
Editor *South China Morning Post*

mungkin mendapati dirinya meninggalkan gelanggang sebagai orang yang kecundang," katanya.

Zuraidah juga membuat perbandingan antara Dr. Mahathir dan nemesis lama beliau, mendiang Lee Kuan Yew, bekas Perdana Menteri Singapura, yang menurut editor itu, memiliki semangat juang yang sama kentalnya.

Bagaimanapun, kata beliau: "Daripada bersuara dalam kerajaan dalam beberapa kedudukan tidak rasmi secara samar, Lee selalunya lebih suka mempunyai kerusi formal dan bersuara dengan jujur".

"Tahu bilakah untuk berundur adalah satu daripada keputusan kritikal yang perlu dibuat seseorang pemimpin, dan sejarah penuh dengan pemimpin yang bagus, tetapi gagal dalam aspek itu" - BERNAMA